

## **Kawan Buktikan Golongan Muda Tetap Bersama BN**

**Bernama**

**23 Mac, 2013**

PEKAN, 23 Mac (Bernama) -- Program Kelab Anak Wawasan Pekan Pahang (Kawan) IM4U Fair 2013 di Pekan yang bermula semalam, berjaya mendekati lebih 15,000 golongan muda, rata-rata dilihat utuh menyokong kepimpinan Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak.

Presiden Kawan, Mohd Rosdi Alizah berkata sekiranya terdapat dakwaan bahawa golongan muda tidak bersama kepimpinan Barisan Nasional (BN), ia sebenarnya cuba dimanipulasi pihak-pihak tertentu yang kecewa dengan program transformasi pihak kerajaan.

"Golongan muda sebenarnya tetap utuh menyokong pimpinan BN, walaupun di Pekan baru-baru ini terdapat golongan mahasiswa yang terpengaruh dengan dakwah pembangkang yang cuba menghasut golongan muda di sini," katanya pada majlis perhimpunan Kawan IM4U Fair 2013 di Dataran Pekan, di sini Sabtu.

Program itu dirasmikan Perdana Menteri dihadiri hampir 5,000 golongan muda yang begitu bersemangat melaungkan 'We Love PM'.

"Mereka yang didekati Kawan ternyata menolak sekeras-kerasnya dakwaan pembangkang yang cuba menabur fitnah memburuk-burukkan kerajaan di bawah pimpinan BN," katanya.

Beliau berkata sejak program (IM4U Fair 2013 di Pekan) diadakan semalam, Kawan juga berjaya mendekati lebih 8,000 pengundi baharu di bawah Parlimen Pekan.

-- BERNAMA

Copyright © 2013 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=936872>